

19/06/1997

Muhyiddin selaras pengendalian Sukom (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini mengarahkan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya memainkan peranan utama dalam memastikan pengelolaan Sukan Komanwel '98, berjalan lancar.

Berikutan itu, syarikat penganjur, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom 98) termasuk Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Hashim Mohd Ali akan diminta melaporkan terus kepada Muhyiddin mengenai semua perkara berkaitan.

Memberitahu sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet hari ini, Muhyiddin berkata beliau akan mengadakan perbincangan terperinci dengan Hashim pada Sabtu ini bagi mengetahui persiapan serta menentukan arah baru Sukom 98.

"Keputusan Kabinet ini bagaimanapun bukan bermakna saya akan mengambil alih ... tapi perubahan itu meletakkan Kementerian Belia dan Sukan dalam satu kedudukan yang membolehkannya menyelaras dan membuat keputusan dengan lebih licin bagi memastikan kelancaran Sukan Komanwel," katanya.

Isu Sukom 98 dibincangkan oleh Kabinet hari ini berikutan peletakan jawatan Hashim Isnin lalu kerana kecewa dengan kritikan terhadapnya yang dianggap bersifat peribadi. Bagaimanapun, beliau menarik balik keputusan itu selepas dinasihati oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Minggu lalu, Muhyiddin serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik menegur Sukom 98 kerana kekurangan promosi dan publisiti mengenai Sukan Komanwel yang dianggap kedua terbesar di dunia, selepas Sukan Olimpik.

Muhyiddin berkata, mesyuarat Kabinet hari ini juga bersetuju supaya semua 12 jawatankuasa besar yang ditubuhkan untuk mengelolakan sukan itu melaporkan terus kepada beliau atas kedudukannya sebagai menteri yang bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, Sukom 98 juga diarah membentangkan laporan terkini mereka kepada Anwar.

Menurut Muhyiddin, perubahan itu dianggap perlu kerana Kabinet berpendapat harus ada pihak yang berkuasa, terutama bagi projek besar seperti Sukan Komanwel agar kerajaan tidak dipersoalkan jika penganjurannya gagal memenuhi matlamat.

Sehubungan itu, Kabinet juga bersetuju mengenai pengagihan kuasa apabila Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel menjadi jawatankuasa yang mewakili Majlis Sukan Komanwel dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada perkembangan terbaru itu bermakna semua keputusan perlu dirujuk kepada beliau, Muhyiddin berkata soal pentadbiran dan kakitangan boleh diuruskan sendiri oleh Sukom 98, manakala yang lain perlu dirujuk kepadanya.

"Dengan perubahan baru ini, struktur pentadbiran diharap menjadi lebih baik dan saya mempunyai laluan terus kepada perjalanan Sukom 98. Kita juga harap, terutama dari segi kewangan dan belanjawan yang akan dibentang serta keputusan Jawatankuasa Eksekutif, akan menjadi keputusan yang mesti dilaksanakan oleh Sukom 98," katanya.

Muhyiddin berkata, soal Kabinet tidak berpuas hati dengan perjalanan Sukom 98 setakat ini tidak timbul.

"Jemaah menteri berpendapat mereka kurang menerima laporan mengenai persiapan Sukan Komanwel walaupun ada antara mereka menjadi anggota Majlis Sukan Komanwel.

"Lantaran itu, Kabinet juga meminta saya melaporkan kemajuan Sukan

Komanwel secara berkala dan lebih kerap selepas semua jawatankuasa membentangkan laporan masing-masing," katanya.

Menurutnya, beliau sudah menetapkan supaya jawatankuasa terbabit bermesyuarat setiap bulan atau dua minggu sekali jika perlu dengan setiap tindakan penting dilaksanakan dahulu sebelum mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif.

Mengenai sumber kewangan untuk mengelolakan sukan itu, beliau berkata, Kabinet turut mengambil berat ia tidak menjejaskan kelancaran Sukan Komanwel.

"Oleh itu, kita perlu menentukan jumlah peruntukan belanjawan yang diperlukan oleh setiap jawatankuasa terbabit daripada dana atau wang yang terkumpul di bawah Sukom '98," katanya.

Selain itu, Kabinet juga turut menyentuh mengenai publisiti dan mahu ia pertingkatkan mulai sekarang.

(END)